

02 FEB 1997

Megat-Ecstasy

AKTA DADAH DIPINDA BAGI MEMBOLEHKAN PUSAT HIBURAN DIDAKWA

KAMPUNG GAJAH, 2 Feb (Bernama) -- Akta Dadah Berbahaya 1957 akan dipinda bagi membolehkan pengusaha pusat hiburan malam didakwa sebagai pengedar jika membiarkan premis mereka digunakan untuk kegiatan pengedaran dan penagihan pil Ecstasy.

Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk seri Megat Junid Megat Ayob berkata draf pindaan akta itu akan dibentangkan pada sesi Dewan Rakyat bulan depan.

"Mengikut akta sekarang, hanya mereka yang didapati memiliki pil psikotropik jenis ecstasy sahaja yang boleh didakwa," katanya kepada pemberita selepas berbuka puasa di Masjid Kampung Bukit Chawi dekat sini, malam tadi.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan Jabatan Narkotik Polis Di Raja Malaysia yang mengesan lebih 20 pusat hiburan malam yang dijadikan tempat kegiatan pengedaran dan penagihan pil khayal oleh para pengunjung.

Kelmarin, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan kerajaan akan mengubal undang-undang bagi membolehkan pengusaha pusat hiburan didakwa sebagai pengedar jika pengunjung menjadikan premis itu sebagai tempat penagihan dan pengedaran pil berkenaan.

"Dengan akta baru itu kelak, kita berharap pengusaha pusat hiburan malam akan menentukan pil itu tidak dibawa masuk oleh para pengunjung," katanya.

Mengenai laporan terdapat kira-kira 20,000 pendatang asing sedang menunggu peluang terbaik untuk memasuki negara ini melalui pengkalan haram di sempadan Kelantan/Thailand, Megat berkata pihak berkuasa negara ini sudah bersedia menanti mereka.

"Kita mempunyai taktik sendiri dan tidak sekali-kali akan lalai walaupun dalam suasana bersiap-sedia untuk menyambut perayaan berkembar hujung minggu ini," katanya.

Menerusi Ops Nyah I, anggota tentera sudah bersedia untuk menangkap mereka yang cuba memasuki negara ini, katanya dan menambah Polis, Imigresen, Rela dan pihak berkuasa tempatan sudah bersiap sedia untuk menangkap mereka yang bolos serta yang telah lama berada di negara ini dalam Ops Nyah II.

Kerajaan yakin rakyat tempatan termasuk majikan pelbagai sektor tidak lagi berani melindungi pendatang asing ini setelah hukuman ke atas perbuatan melindungi pendatang asing dinaikan.

Selain denda, mereka juga perlu menjalani hukuman penjara mandatori serta boleh disebat kerana perbuatan terbabit, tambah beliau.

Megat Junid juga berkata semua cuti bagi anggota Polis Trafik dibekukan sempena perayaan berkembar itu bagi mengawal lalulintas di seluruh negara untuk mengurangkan kadar kemalangan jalanraya.

Anggota terbabit akan bertugas di kawasan-kawasan strategik bagi memastikan pengguna jalanraya mematuhi peraturan keselamatan di jalan raya.

-- BERNAMA

LAT NAK